

SOALAN LAZIM
BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI 2024
PENTADBIRAN NEGERI PULAU PINANG (SPPN BIL 3 TAHUN 2024)

BIL	SOALAN	KELAYAKAN
Pelaksanaan		
1.	Siapakah yang layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2024 (BKKA 2024)?	<p>BKKA 2024 diberikan kepada semua Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri, yang dilantik secara tetap, sementara, <i>Contract of Service (COS)</i>, <i>Contract for Service (CFS)</i> dan Pekerja Sambilan Harian (PSH) serta Personel MySTEP dengan syarat pegawai masih berkhidmat di Pentadbiran Negeri pada 15 Mac 2024.</p> <p>Turut layak diberi kepada pegawai yang bercuti bergaji penuh, pegawai yang bercuti separuh gaji, pegawai yang bercuti tanpa gaji dan pegawai yang dipinjamkan/ditukar sementara termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya.</p> <p>Pemberian BKKA 2024 juga turut dipanjangkan kepada Penyelia dan Guru KAFA, Guru SRAR, Guru SMAR, Kakitangan SRAR, SMAR dan SABK, Guru dan Kakitangan Sekolah Persendirian Cina, Guru Tahfiz, Guru Pondok dan Guru TADIS Negeri Pulau Pinang pada kadar rata RM300.00.</p>
2.	Berapakah jumlah BKKA 2024 yang akan dibayar?	Kadar BKKA 2024 ialah sebanyak ½ bulan gaji , atau minimum RM1,200.00
3.	Bilakah BKKA 2024 akan dibayar dan jabatan manakah yang bertanggungjawab membuat pembayaran tersebut?	BKKA 2024 akan dibayar pada 15 Mac 2024 dan menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh bayaran.

BIL	SOALAN	KELAYAKAN
Pegawai Lantikan Baharu & Pertukaran Masuk/Keluar		
4.	Adakah pegawai yang baharu dilantik pada 10 Mac 2024 layak menerima BKKA 2024?	Pegawai yang dilantik secara tetap/ sementara/COS/CFS/PSH serta Personel MySTEP dan masih berkhidmat pada 15 Mac 2024 layak menerima BKKA 2024.
5.	Pegawai A telah berkhidmat di sebuah Agensi Persekutuan, dan diarahkan untuk bertukar ke Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang pada 5 Mac 2024. Adakah Pegawai A layak menerima BKKA 2024? Sekiranya layak, berapakah kadar BKKA 2024 kepada beliau?	Pegawai A layak dibayar BKKA 2024, pada kadar ½ bulan gaji, atau minimum RM1,200.00.
6.	Pegawai B sedang berkhidmat di sebuah jabatan di bawah Pentadbiran Negeri. Beliau seterusnya telah menerima arahan pertukaran ke Perkhidmatan Awam Persekutuan, berkuat kuasa 14 Mac 2024. Adakah Pegawai B layak menerima BKKA 2024? Sekiranya layak, berapakah kadar BKKA 2024 kepada beliau?	Pegawai B tidak layak menerima BKKA 2024, memandangkan beliau tidak lagi berkhidmat di bawah Pentadbiran Negeri Pulau Pinang pada 15 Mac 2024.
Pertukaran Perkhidmatan & Pelantikan / Peletakan Jawatan		
7.	Pegawai C telah diluluskan pertukaran perkhidmatan dari Perkhidmatan Awam Negeri ke Perkhidmatan Awam Persekutuan, berkuat kuasa 17 Mac 2024. Adakah Pegawai C layak menerima BKKA 2024?	Pegawai C layak menerima BKKA 2024, kerana masih berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negeri pada 15 Mac 2024.
8.	Pegawai D telah diluluskan pertukaran pelantikan dari Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan ke Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang, berkuat kuasa pada 10 Mac	Pegawai D layak menerima BKKA 2024, kerana sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang pada 15 Mac 2024.

BIL	SOALAN	KELAYAKAN
	2024. Adakah Pegawai D layak menerima BKKA 2024?	
9.	Pegawai E merupakan pegawai lantikan kontrak COS di bawah Perkhidmatan Awam Negeri. Beliau telah meletak jawatan pada 29 Februari 2024, kerana telah menerima tawaran untuk dilantik secara CFS di bawah Perkhidmatan Awam Negeri bermula 1 Mac 2024. Adakah Pegawai E layak menerima BKKA 2024?	Pegawai E layak menerima BKKA 2024, sekiranya beliau masih berkhidmat pada 15 Mac 2024.
Pegawai Bersara dan Meninggal Dunia		
10.	Pegawai F merupakan pegawai di bawah Perkhidmatan Awam Negeri, dan telah bersara wajib pada 14 Mac 2024. Adakah Pegawai F layak menerima BKKA 2024?	Pegawai F tidak layak menerima BKKA 2024, kerana beliau tidak lagi berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negeri pada 15 Mac 2024.
11.	Pegawai G telah meninggal dunia pada 15 Mac 2024. Adakah Pegawai G layak menerima BKKA 2024?	Pegawai G layak menerima BKKA 2024.
Pegawai Tidak Hadir Bertugas & Dalam Proses Tatatertib		
12.	Pegawai H telah tidak hadir bertugas tanpa kebenaran selama 4 hari dari tempoh 19 Disember 2023 sehingga 15 Mac 2024. Adakah Pegawai H layak menerima BKKA 2024?	Pegawai H tidak layak menerima BKKA 2024, kerana telah tidak hadir bertugas tanpa kebenaran melebihi 3 hari bagi tempoh 19 Disember 2023 sehingga 15 Mac 2024.
13.	Pegawai I telah menerima surat pertuduhan bagi tindakan tatatertib dari Pihak Berkuasa Tatatertib pada 14 Januari 2024. Keputusan bagi pertuduhan tersebut belum diterima dari Pihak Berkuasa Tatatertib. Adakah Pegawai I layak menerima BKKA 2024?	Bayaran BKKA 2024 kepada Pegawai I ditangguhkan , sehingga keputusan tindakan tatatertibnya diterima. Pegawai I cuma boleh dibayar BKKA 2024 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati beliau tidak bersalah.

BIL	SOALAN	KELAYAKAN
14.	Pegawai J telah menerima surat pertuduhan bagi tindakan tatatertib pada 20 November 2023. Selaras dengan itu, bayaran BKK2 Tahun 2023 kepada pegawai telah ditangguhkan. Pihak Berkuasa Tatatertib seterusnya telah mendapati Pegawai J bersalah di atas pertuduhan tersebut, dan telah mengeluarkan surat keputusan dengan hukuman amaran pada 19 Januari 2024. Adakah Pegawai J layak menerima bayaran bagi BKK2 Tahun 2023 dan BKKA 2024?	Pegawai J tidak layak menerima bayaran BKK2 2023 dan BKKA 2024.